

Kehalusan Makna

Kata **عَمِلَ** dan **فَعَلَ** dalam al-Quran

Penulisan pada kali ini akan memfokuskan leksikal al-Quran yang sinonim (مُتَرَادِفٌ), namun mengisyaratkan kehalusan makna tertentu.

Al-Zarkasyi dalam karyanya, *al-Burhan fi 'Ulum al-Qur'an* menyatakan bahawa al-Quran sarat dengan leksikal yang hampir sama maknanya, namun berlainan konteks penggunaannya dan hal ini tergolong dalam ciri kehalusan leksikal al-Quran (لَطَائِفُ فُرَائِيَّةٍ). Misalnya, kata **عَمِلَ** dan **فَعَلَ** yang bercirikan fiil *madi* merujuk perlakuan melakukan sesuatu perkara. Meskipun begitu, al-Quran menyerlahkan perbezaan kedua-duanya.

Leksikal **عَمِلَ** merujuk sesuatu perlakuan yang mengandungi proses dan berulang-ulang. Contohnya, firman Allah SWT: (وَأَمَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ فَيُوَفِّيهِمْ أُجُورَهُمْ) yang bermaksud, “dan adapun orang yang beriman dan beramal soleh, maka Allah akan menyempurnakan ganjaran mereka ...” (Surah Ali 'Imran 57:3). Ayat ini mengandungi kata **عَمِلُوا**, iaitu jenis fiil *madi* dengan *damir* **هُم** (mereka). Kata ini diterapkan bertujuan untuk mengisyaratkan bahawa amal soleh tersebut dilakukan dengan melibatkan proses dan secara berulang-ulang.


Hal ini berbeza daripada leksikal **فَعَلَ** kerana kalimah ini berkisarkan makna segera tanpa penundaan. Contohnya, firman Allah SWT: (... وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ) yang bermaksud, “... mereka (para malaikat) melaksanakan apa-apa yang diperintahkan.” (Surah al-Nahl 16:50). Dalam ayat ini, ada leksikal

يَفْعَلُونَ, iaitu derivasi daripada kata **فَعَلَ**. Jika diamati, kata **يَفْعَلُونَ** dikategorikan dalam fiil *mudari'* dengan *damir* **هُم** yang merujuk golongan malaikat. Hal ini menunjukkan bahawa malaikat melaksanakan perintah Allah SWT dengan segera tanpa menunda-nunda.

Begitu juga dalam ayat 6 Surah al-Fajr (أَلَمْ تَرَ كَيْفَ فَعَلَ رَبُّكَ بِعَادٍ) yang mengandungi kata **فَعَلَ** dan pelakunya ialah Tuhan (رَبُّ) yang *marfu'* dengan *dammah*. Firman ini menceritakan tentang cepatnya azab yang ditimpakan oleh Allah kepada kaum 'Ad yang menyekutukan-Nya ekoran daripada penerapan kata **فَعَلَ**.

Di samping itu, leksikal yang asalnya **فَعَلَ** juga diterapkan dalam ayat berkaitan dengan zakat, iaitu ayat 4 Surah al-Mu'minun (وَالَّذِينَ هُمْ لِلزَّكَاةِ فَاعِلُونَ) yang bermaksud, “dan orang yang melaksanakan zakat”. Ayat ini menjelaskan tentang ciri mukmin berjaya yang bukan hanya membayar zakat. Jika diamati, leksikal **فَاعِلُونَ** mengisyaratkan bahawa golongan yang dipuji oleh Allah SWT ialah golongan yang membayar zakat dengan segera tanpa menunda agar menutup hajat golongan yang memerlukan.

Kehalusan makna kata **عَمِلَ** dan **فَعَلَ** diterangkan dalam rajah yang berikut:



Rajah Kehalusan makna kata **عَمِلَ** dan **فَعَلَ** dalam al-Quran.